

## **SEJARAH PERKEMBANGAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM TRADISIONAL DI SELANGOR**

*History Of Development Of Traditional Islamic Curriculum In Selangor*

Zaihan Hairuzialani Mat Jusoh<sup>1</sup>  
Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid<sup>2</sup>

### **ABSTRACT**

*Islamic education has grown in Malaysia since the inclusion of Islam again, the development is different from one state to another. To discuss the matter two objectives have been outlined. (1) To cater for the development of the Islamic Education curriculum in Selangor, the history of the development of traditional Islamic Education curriculum in Malaysia is first discussed. (2) Discuss the history of the development of the traditional Islamic Education curriculum in Selangor. Secondary sources in addition to primary sources will be referred to as sources of information for the writing of this article, including reports, minutes of meetings and interviews. The conclusions can be summarized that three improvements still need to be done in the traditional curriculum syllabus that are the aspects of the traditional curriculum syllabus, the philosophy of Islamic education and pedagogy.*

**Keywords:** *Malaysian history, traditional educational, Islamic Education Curriculum*

### **ABSTRAK**

*Pendidikan Islam telah berkembang di Malaysia sejak kemasukan Islam lagi, perkembangan tersebut berbeza dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Untuk membincangkan perkara tersebut dua objektif telah digariskan. (1) Untuk melatari perkembangan kurikulum Pendidikan Islam di Selangor, sejarah perkembangan kurikulum Pendidikan Islam tradisional di Malaysia terlebih dahulu dibincangkan. (2) Membincangkan sejarah perkembangan kurikulum Pendidikan Islam tradisional di Selangor. Sumber-sumber sekunder disamping sumber primer akan dirujuk sebagai sumber maklumat bagi penulisan artikel ini, ianya termasuklah laporan-laporan, minit mesyuarat dan juga temubual. Kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa tiga penambahbaikan yang masih perlu dilakukan dalam sukatan kurikulum tradisional iaitu aspek sukatan kurikulum tradisional, falsafah pendidikan Islam dan pedagogi.*

---

<sup>1</sup> Calon Master Pengajian Islam di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mail [zaihan0821@gmail.com](mailto:zaihan0821@gmail.com)

<sup>2</sup> Pensyarah Kan dan Penyelia calon di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mail [faisal@um.edu.my](mailto:faisal@um.edu.my)

Kata kunci: *Sejarah Malaysia, sejarah pendidikan tradisional, Kurikulum Pendidikan Islam*

## **Pendahuluan**

Silibus Pendidikan Islam peringkat menengah yang pertama mula beroperasi dalam kurikulum negara ialah pada tahun 1977<sup>3</sup>. Kemudian pada tahun 1989 kerajaan telah memperkenalkan KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah)<sup>4</sup> dan seterusnya yang terkini ialah KSSM (Kurikulum Standard Berasaskan Sekolah) pada tahun 2015<sup>5</sup>. Pada tahun 2015 juga kurikulum pendidikan Islam tradisional telah diserapkan dalam sukatan pelajaran Kebangsaan dengan nama KBD (Kurikulum Bersepadu Dini)<sup>6</sup>. Dalam tempoh tiga dekad pelaksanaan KBSM kepada KSSM, kajian-kajian terhadap sejarah perkembangan kurikulum Pendidikan Islam tradisional ini sangat penting supaya setiap perubahan yang dilakukan tersebut tidak hanya mengulangi kesilapan yang sama dan kurang berkesan membentuk kemenjadian murid. Oleh itu data-data kajian yang diperolehi daripada proses kajian lepas ini diperhalusi agar ianya dapat memberikan maklumat berkaitan halatuju pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia dan negeri Selangor dalam menongkah arus perkembangan semasa.

Fasa perkembangan Pendidikan di Malaysia telah berlaku penambahbaikan menerusi Akta Pelajaran 1961 yang kelihatan lebih menfokuskan kepada agenda untuk mengeluarkan tenaga rakyat bagi memenuhi keperluan pembangunan negara Malaysia selepas merdeka<sup>7</sup>. Hal ini dapat dibuktikan dengan pemerkasaaan sistem peperiksaan awam dengan sistem Aneka Jurusan bagi sekolah-sekolah Menengah pada tahun 1965<sup>8</sup>. Sebelum Laporan Jawatankuasa Kabinet dibentangkan pada tahun 1979 matapelajaran Pengetahuan Agama Islam tidak dimasukkan dalam sistem peperiksaan Awam iaitu Sijil Pelajaran Malaysia atau *Malaysia Certificate of Education*<sup>9</sup>.

Sementara itu peruntukan matapelajaran Pengetahuan Agama Islam hanya diajar dua jam seminggu dalam jadual waktu. Hal ini kerana peruntukan waktu matapelajaran yang bersifat memenuhi keperluan tenaga rakyat lebih diutamakan<sup>10</sup>. Dalam pada itu juga pemetaan dokumen kurikulum juga hanya bergantung dengan huraian sukatan pelajaran (HSP) secara mutlak serta kurang mengaitkan dengan kandungan matapelajaran yang lain<sup>11</sup>. Ekoran daripada agenda

---

<sup>3</sup> Che Pee Saad, "The Curriculum OfThe National Islamic Secondary School." (Tesis Kedoktoran Universiti Victoria, Manchester, 1989), 84.

<sup>4</sup> Haris Md. Jadi, "Reformasi kurikulum di Malaysia: Satu pandangan ke atas proses perancangan, pembinaan dan perlaksanaannya", *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan* 11, (1991), 2.

<sup>5</sup> *Kurikulum Standard Sekolah Menengah, Dokumen Standard Sekolah Menengah, Pendidikan Islam Tingkatan 2*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum, April 2016.

<sup>6</sup> Ideris Abdul Rahim (Ketua Unit Unit Akademik, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, Cyberjaya,) dalam temubual dengan penulis, 22 September 2018.

<sup>7</sup> *Report Of The Education Review Committee 1960* (Government Press Federation Of Malaysia 1960, Chapter XIV, 42. Lihat juga Sufean Hussin, *Pendidikan Di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 100-103.

<sup>8</sup> Mok Soon Sang, *Pendidikan Di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd, 1996), 60.

<sup>9</sup> Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (7hb. November 1979), (Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980), 35.

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> *Ibid.*, 18.

memenuhi sumber tenaga manusia itu juga, semenjak tahun 1965 kurikulum pendidikan menengah rendah (Lower Certificate of Education) di sekolah kerajaan Malaysia murid-murid berpeluang mengambil peperiksaan sekurang-kurangnya enam matapelajaran teras<sup>12</sup> dan matapelajaran elektif iaitu seni perusahaan, sains rumahtangga, sains pertanian dan perdagangan<sup>13</sup>. Namun seperti yang telah dinyatakan sebelum ini murid-murid yang mengambil matapelajaran elektif ini juga diajar tanpa menghubungkaitkan dengan matapelajaran elektif yang lain seperti Pendidikan Syariah. Pendidikan al-quran dan as-sunnah dan lain-lain. Senario ini berlarutan sehinggalah peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dikuatkuasakan pada tahun 1978<sup>14</sup>.

Keadaan yang sedikit janggal ini seperti yang dijangkakan telah membangkitkan reaksi kurang senang dalam kalangan tokoh-tokoh pemimpin ulama Islam<sup>15</sup> di Malaysia yangmana kumpulan ini secara berperingkat mengambil inisiatif menubuhkan sekolah yang bercorak keagamaan<sup>16</sup>. Ada diantaranya yang melakukan secara pesendirian atau berkolaborasi dengan kerajaan negeri. Ekoran daripada itu wujudlah tiga jenis sekolah aliran yang bercorak agama iaitu Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Swasta (SAS). Sementara kurikulum yang digunapakai adalah kurikulum yang digubal sendiri mengikut ahli lembaga sekolah dan kuasa individu.<sup>17</sup> Senario ini sangat unik menjadikan sejarah perkembangan kurikulum Pendidikan Islam tradisional di Malaysia agak menarik untuk dikaji kerana menampakkan struktur kurikulumnya yang mencapah serta memerlukan penyelidikan yang lebih empirikal. Hal ini bertambah penting lagi apabila wujud inisiatif kerajaan pada tahun 1965 dan 1977<sup>18</sup> untuk menggabungkan sebanyak 154 buah sekolah SAR dan SAN ke dalam kurikulum kebangsaan dan mengkategorikan sekolah-sekolah tersebut dengan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Peristiwa penggabungan yang bersejarah ini berterusan sehinggalah penghujung tahun 2007<sup>19</sup>.

Dari sudut lain penyelidik melihat peristiwa penggabungan kurikulum Pendidikan Islam ke dalam aliran perdana ini merupakan isu yang akan menjadi momentum kepada permasalahan kajian sejarah perkembangan kurikulum di negeri-negeri dalam Malaysia<sup>20</sup>. Apatah lagi isu

---

<sup>12</sup> *Ibid.*, 35.

<sup>13</sup> *Ibid.*, 29.

<sup>14</sup> *Ibid.*, 27-28.

<sup>15</sup> Ahmad Fauzi Mohammad Shahar, "Allahyarham Tuan Haji Muhammad Shahar Sulaiman: Ulama dan Tokoh Maal Hijrah 1413 Hijrah" (prosiding Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 28 April 2015) Lihat juga Abdul Aziz Mahmud dan Ishak Saat, *50 Tahun Pendidikan Islam Di Malaysia*, (PutraJaya: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009), 9-13.

<sup>16</sup> *Ibid.* Lihat juga Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan* (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2017), 169-187.

<sup>17</sup> Nor Raudhah Siren et.al "Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) Di Malaysia." (Prosiding International Seminar On Islamic Malay World, Bandung 2013), 216-217.

<sup>18</sup> Umar Azizi et.al, "Cabaran Penyelarasan Kuasa Antara Kerajaan Negeri Dan Persekutuan Dalam Mengurus Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), *Journal of Islamic and Arabic Education Universiti Kebangsaan Malaysia* (2012).

<sup>19</sup> Abdul Aziz Mahmud dan Ishak Saat, *50 Tahun Pendidikan Islam Di Malaysia*, (PutraJaya: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009), 111.

<sup>20</sup> Marzita Abdullah, "Isu SAR-Membendung keciciran Pelajar, "laman sesawang utusan Online, dicapai 16 Disember 2018  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0114&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0114&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm)

penggabungan SAR ke dalam kurikulum aliran perdana ini semakin hangat diperdebatkan di parlimen Malaysia sehinggalah pembentangan bajet 2019 yang telah diumumkan baru-baru ini.

### **Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam Tradisional Di Malaysia**

Terdapat banyak kajian dan penulisan yang merumuskan era kebangkitan Islam abad ini bermula pada awal 70-an<sup>21</sup> ekoran selepas berlangsungnya satu persidangan Pendidikan Islam peringkat Antarabangsa di Mekah pada tahun 1977<sup>22</sup> yang mana resolusi persidangan tersebut juga telah dijadikan landasan penggubalan falsafah pendidikan kebangsaan (FPK) di Malaysia<sup>23</sup>. Sejurus selepas itu, FPK telah membawa kepada wujud pula falsafah Pendidikan Islam (FPI)<sup>24</sup> yang dijadikan landasan penggubalan kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia. Fasa perkembangan selepas penggubalan FPI ini amat penting dalam mengubah suasana sosial bagi komuniti atau perkampungan yang berkisar tentang persekolahan dan ulama pondok. Sudah tiba masanya kurikulum tradisional ini mengalami transformasi dari segi bentuk (form) dan isi (content)<sup>25</sup>.

### **Aspek Sukatan Kurikulum Tradisional**

Walaubagaimanapun dalam era transformasi kurikulum kebangsaan ini wujud satu idea yang kontroversi menerusi dapatan kajian Rosnani yang mana beliau dengan jelas membidas sukatan pelajaran sekolah menengah agama yang mengandungi pemisahan nilai agama dan nilai murni dalam kurikulum Pendidikan Islam<sup>26</sup>. Penulisan beliau juga turut mengkritik kepincangan sukatan pelajaran pendidikan kebangsaan, apabila beliau juga turut meragui kurikulum pendidikan Islam aliran perdana yang tidak serius dalam penghayatan aspek rohani, akhlak dan akidah serta hanya menitikberatkan kepada aspek kognitif<sup>27</sup>. Tidak terhenti disitu malah kekecewaan beliau dengan kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah agama jelas tergambar apabila beliau meneruskan kritikan terhadap sukatan pelajaran tersebut yang memuatkan skop ilmu dan metodologinya agak sempit. Jauh daripada itu kurikulum tersebut menurut beliau mustahil akan melahirkan masyarakat teknokrat yang berupaya menyelesaikan masalah ummah menerusi kacamata dunia hari ini<sup>28</sup>. Kajian Rosnani ini mengukuhkan lagi pandangan Haris berkaitan kurikulum kebangsaan yang mana hanya diadaptasi dan diubahsuai namun kandungannya masih kurikulum kolonial<sup>29</sup>. Senario ini sebenarnya bukan memperbaiki

---

<sup>21</sup> Md.Zaki Abd Manan, "A Critical Analysis Of Islamic Studies In Malay On Contemporary Issues; Malaysia: Approxiamately 1975 To The Present Day" (tesis kedoktoran University Of London, 1994), i.

<sup>22</sup> Rosnani Hashim, "Dualisme Pendidikan Umat Islam Di Malaysia: Sejarah Perkembangan Dan Cabaran Masa Depan", *Jurnal Pendidikan Islam* 10. no.2, (Disember 2002),9

<sup>23</sup> Abdul Aziz Mahmud dan Ishak Saat, *50 Tahun Pendidikan Islam Di Malaysia*, (PutraJaya: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009), 46.

<sup>24</sup> *Ibid.*, 48

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> Rosnani Hashim, "Dualisme Pendidikan Umat Islam Di Malaysia: Sejarah Perkembangan Dan Cabaran Masa Depan",13

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> Haris Md. Jadi, "Reformasi kurikulum di Malaysia: Satu pandangan ke atas proses perancangan, pembinaan dan pelaksanaannya", 2

malah memperkasakan lagi dikotomi Islam<sup>30</sup> dalam kurikulum Pendidikan Islam tradisional disamping itu membuka ruang proksi sekular terus bertapak dalam sistem pendidikan negara<sup>31</sup>.

### **Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam Tradisional Di Selangor**

Berdasarkan pengamatan penyelidik satu persamaan diantara perkembangan Pendidikan Islam tradisional Malaysia dengan sejarah perkembangan Pendidikan Islam di Selangor kedua-duanya berkisar daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN). Ironiknya kedua-duanya bermula dengan institusi pondok dan madrasah<sup>32</sup>. Sejarah telah menukilkan bahawa dua institusi ini telah dipopularkan oleh tokoh pemimpin kaum Muda dalam arena persada politik tanahair yang telah tamat belajar daripada universiti al-Azhar dan Timur Tengah seperti Sheik Tahir Jalaludin dan Sayid Sheikh al-Hadi pada tahun 1906<sup>33</sup> dan beberapa orang tokoh pemimpin kaum Muda dari negeri lain dalam era 1920-an<sup>34</sup>. Di negeri Selangor sejarah penubuhan sekolah madrasah pertama direkodkan pada tahun 1930 iaitu Madrasah Awamiah di Kampung Sepintas, Sabak Bernam<sup>35</sup>. Justeru itu tidak hairanlah hampir keseluruhan kurikulum SAR dan SAN dalam Negara Malaysia menggunakan sukatan pelajaran al-Azhar. Termasuklah negeri Selangor kurikulum tradisional Pendidikan Islamnya dikenali dengan kurikulum Azhari.<sup>36</sup> Namun apa yang menjadi isunya ialah dalam kurikulum Azhari ini juga berlaku masalah dikotomi<sup>37</sup> apabila campurtangan individu yang menguasai lembaga pemutus dalam pentadbiran sekolah<sup>38</sup>.

Penyelidik juga berpandangan rentetan daripada campurtangan individu dan pihak lembaga pengurusan sekolah yang terlampau fleksibel ini akan mencetuskan konflik kuasa atau pertembungan kuasa yang akhirnya akan mempengaruhi konsep penggubalan sukatan pelajaran sepertimana yang dikritik dalam kajian Rosnani. Senario ini akan mengekalkan dikotomi Islam

---

<sup>30</sup> Alias Azhar, "Pendemosian Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia : Satu Tinjauan." *Jurnal Kajian Pendidikan (ATIKAN)* 3 no.1(2013), 59–72. Dikotomi ialah adanya pandangan dikotomis ilmu secara substansial (ilmu agama dan ilmu umum). Islam memajukan pelbagai bidang ilmu pengetahuan melalui konsep demokrasi ilmu di atas dasar pelaksanaan kurikulum bersepadu, tanpa elemen dikotomi atau pengasingan bidang ilmu pengetahuan. Tidak wujud dikotomi atau pengasingan antara pendidikan agama, sains, teknologi dan pendidikan umum. Dengan cara ini, akan lahir generasi Muslim yang tidak hanya menguasai Ilmu Mengurus Diri (ilmu individu) tetapi juga ilmu mengurus sistem (ilmu sains, teknologi dan sains kemanusiaan). Perubahan sosial yang bakal berlaku akan diwarnai oleh sumber daya manusia integratif.

<sup>31</sup> Rosnani Hashim, "Educational Dualism in Malaysia: Implications for Theory and Practice", (Tesis Kedoktoran, University of Florida, Amerika Syarikat, 1994), 320-341.

<sup>32</sup> Abdullah Ishak, Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 189 Lihat juga Abdul Aziz Mahmud dan Ishak Saat, *50 Tahun Pendidikan Islam Di Malaysia*, (PutraJaya: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009), 11.

<sup>33</sup> Sufean Hussin, Pendidikan Di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 13.

<sup>34</sup> Abdul Razak Mahmud, Ikhtisar Sejarah Kelantan (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2017), 176-180.

<sup>35</sup> Dokumentasi Arkib BPI (yawowsinzi), "Sejarah Pendidikan Islam; Sejarah Sekolah-sekolah Agama di Selangor", *Laman sesawang Portal Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor*, dicapai pada 13 November 2018, <http://pendidikan.jais.gov.my/arkib-sejarah-pendidikan-islam>

<sup>36</sup> *Almanahij al-dirasat lilmawad al-Azhariah* (Bahagian Pendidikan Islam Selangor).

<sup>37</sup> Zubaidah Othman, "Tajdid Ilmu Dan Pendidikan: Tinjauan Apresiatif Terhadap Pemikiran Pendidikan Islam Sidek Baba." (Seminar Institut Perguruan Islam 2011), 1–17.

<sup>38</sup> Nor Raudhah Siren et.al "Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) Di Malaysia." (Prosiding International Seminar On Islamic Malay World, Bandung 2013), 213

dan membuka pintu kepada sistem sekular bertapak dalam sistem pendidikan tradisional Islam. Pada penelitian penyelidik juga konflik kuasa akan berlaku dalam mana-mana organisasi namun apa yang pasti langkah Kementerian Pendidikan Malaysia seterusnya perlu responsif sebelum konflik tersebut mengagalkan matlamat falsafah pendidikan Negara bagi mewujudkan pendidikan bersepadu untuk seluruh masyarakat Malaysia. Maka inisiatif atau strategi yang bakal diatur KPM dibawah program untuk menyelaraskan kurikulum SABK dalam kurikulum arus perdana perlu diberi perhatian dalam menelusuri perkembangan kurikulum Pendidikan Islam tradisional di negeri Selangor. Ekoran daripada itu maka pada tahun 2015 secara rasminya KPM telah mendaftarkan sebanyak 23 buah SABK di Selangor untuk menggunakan kurikulum Bersepadu Dini (KBD) sukatan baru Pendidikan Islam Kebangsaan bagi sekolah agama yang telah diubahsuai daripada kurikulum Azhari.

### **Aspek Falsafah Pendidikan**

Untuk meneroka sukatan perkembangan Pendidikan Islam di Selangor selepas ia menggunakan KBD maka penyelidik telah meneliti kajian Ari et.al dan Abdul Hafiz et. al yang mengulas berkaitan Falsafah Pendidikan Islam pada tahun 1987. Penulis-penulis ini berpendapat falsafah pendidikan Islam perlu merangkumi empat prinsip iaitu rukun iman, nilai akhlak yang mulia, ilmu pengetahuan dan perbuatan baik dunia dan akhirat<sup>39</sup>. Sekali imbas seolah-olah prinsip-prinsip utama ini terbatas perbincangannya dalam skop komponen akhlak dalam mata pelajaran pendidikan akhlak sahaja. Namun apa yang menarik dalam kajian ini para penulis bersependapat bahawa pendidikan akhlak dan nilai-nilai yang tersirat dalam FPI mengandungi prinsip atau semangat yang sama dalam melindungi jatidiri pelajar-pelajar Melayu di negara ini daripada melakukan masalah akhlak<sup>40</sup>. Mengulas tentang teori yang mendasari kajian ini, empat prinsip FPI ini telah diadaptasi untuk meneliti pola perkembangan kurikulum KBD. Dalam hal ini penyelidik berkecenderungan untuk menekankan perbincangan terhadap prinsip ilmu pengetahuan dari segi konsepnya agar golongan pembuat dasar dan pelaksana yang terlibat dengan KBD memenuhi aspirasi kurikulum untuk menterjemahkan kandungan pembelajaran yang komprehensif dari aspek efektif, kognitif dan psikomotor murid.

Oleh yang demikian dalam membahaskan konsep ilmu pengetahuan dalam penterjemahan KBD, penyelidik berlandaskan teori Pendidikan Islam yang telah diadaptasi dari kajian Azmi Omar pada tahun 1993 dalam kajian *In Quest of an Islamic Ideal of Education: A Study of the Role of the Traditional Pondok Institution in Malaysia*<sup>41</sup>. Teori ini terdiri daripada aspek tarbiah, ta'lim dan ta'dib. Keistimewaan teori Azmi ini beliau telah menjelaskan konsep pendidikan Islam dan hubungannya dengan teori kejadian manusia, konsep ilmu dalam Islam, sumber ilmu dan klasifikasi ilmu. Oleh itu teori ini adalah sesuai digunakan untuk menyelidiki konsep ilmu pengetahuan dalam Kurikulum tradisional Pendidikan Islam. Manakala teori pembinaan dan pelaksanaan kurikulum telah digunakan dalam kajian Haris yang bertajuk *Reformasi Kurikulum di Malaysia: Satu Pandangan Ke atas Proses Perancangan, Pembinaan*

---


<sup>39</sup> Ari Kurniawan et.al, "Jati Diri Kebangsaan Dalam Falsafah Pendidikan Islam," 23

<sup>40</sup> *Ibid.*, 18

<sup>41</sup> Azmi Omar, "In Quest of an Islamic Ideal of Education: A Study of the Role of the Traditional Pondok Institution in Malaysia" (Tesis kedoktoran, Temple University, 1993), xiii.

*dan Pelaksanaan* pada tahun 1991<sup>42</sup> yang menjelaskan lagi bahawa proses pembinaan untuk melaksanakan kurikulum memerlukan tiga disiplin iaitu pelaksanaan dan pembinaan kurikulum, sifat-sifat ilmu, manusia dan masyarakat. Proses tersebut boleh dirangkumkan dalam enam tema iaitu objektif yang jelas, jenis masyarakat yang ingin dihasilkan, nilai-nilai dominan dalam masyarakat, realiti sosial masyarakat, jenis generasi yang diingini pada masa depan dan berteraskan falsafah<sup>43</sup>.

Rajah 1: Teori Pendidikan Islam




*Sumber : Teori Pendidikan Islam adaptasi daripada Kajian Azmi Omar dalam kajian In Quest of an Islamic Ideal of Education: A Study of the Role of the Traditional Pondok Institution in Malaysia pada tahun 1993*

<sup>42</sup> Haris Md. Jadi, “Reformasi kurikulum di Malaysia: Satu pandangan ke atas proses perancangan, pembinaan dan pelaksanaannya”, 3

<sup>43</sup> *Ibid.*

Rajah 2: Teori Pembinaan dan Pelaksanaan Kurikulum



*Sumber: Adaptasi daripada kajian Haris yang bertajuk Reformasi Kurikulum di Malaysia: Satu Pandangan Ke atas Proses Perancangan, Pembinaan dan Pelaksanaan pada tahun 1991.*



## Aspek Pedagogi

Sebelum ini kajian Haris telah membincangkan berkaitan falsafah dan kurikulum namun kajian Rosnani lebih komprehensif dan kontroversi apabila beliau membuat analisis secara mendalam berkaitan isi kandungan kurikulum negara dan menyimpulkan bahawa dualisme dalam kurikulum pendidikan negara berlaku dalam kedua-dua komponen mata pelajaran sama ada agama dan bukan agama. Manakala kajian Che Pee menonjolkan perspektif pedagogi. Kajian Che Pee tersebut menekankan penyelidikan kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kerajaan dalam era 80-an. Dapatan kajian beliau menggambarkan warga sekolah pada ketika itu inginkan identiti Islam dipraktikkan di sekolah. Kajian berbentuk kuantitatif ini mendapati hubungan kemerosotan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (sebelum ditukar kepada Penilaian Menengah Rendah), adalah signifikan dengan personaliti guru namun tidak signifikan diantara persepsi guru besar, guru dan pelajar<sup>44</sup>. Ini bermakna pelajar dan guru besar inginkan guru-guru mereka mempraktikkan pemakaian menutup aurat sepertimana yang terkandung dalam pengajaran pengetahuan agama Islam agar mereka lebih meyakini pengetahuan guru yang diajar kepada mereka.

Kajian Che Pee yang bertajuk *The Curriculum Of The National Islamic Secondary School In Malaysia*<sup>45</sup> antara kajian terawal pada tahun 1989 yang mengkaji pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah kerajaan dalam kelas menggunakan tiga jenis instrumen soal selidik Walberg (1984:638-646), Ames (1984:535-553) dan Fraser (1986:33-93)<sup>46</sup> yang berasaskan teori persekitaran psikologikal bilik darjah<sup>47</sup>. Sampel bagi kajian ini terdiri daripada 530 orang pelajar yang mewakili 50%, 97 orang guru Pendidikan Islam iaitu mewakili 51% dan 14 daripada guru besar yang mewakili 50% sampel yang terlibat dalam peperiksaan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) pada tahun 1986<sup>48</sup>.

Sementara itu perkembangan kurikulum Pendidikan Islam di SAR dan SABK pula adalah sebaliknya memandangkan sekolah-sekolah tersebut yang sudahpun bercorak agama. Penambahbaikan aspek pedagogi adalah antara yang menjadi topik perbincangan utama dalam kajian-kajian lepas. Ditambah lagi dengan perkembangan kurikulum Pendidikan Islam di setiap 13 buah negeri di Malaysia adalah unik dan berbeza. Hal ini kerana kurikulum Pendidikan Islam tradisional di Malaysia berkembang mengikut struktur pentadbiran dan organisasi Hal Ehwal Agama Negeri, Yayasan Agama Negeri dan persendirian<sup>49</sup>. Dari hal itu landskap pedagogi kurikulum pendidikan Islam SAR juga berbeza-beza dan telah menarik perhatian KPM serta para aktivis pendidikan untuk memberi respon terhadap pertambahan bilangan sekolah SAR yang ada diseluruh Negara yang hampir menyamai bilangan sekolah menengah kerajaan di Malaysia.<sup>50</sup> Sementara di Selangor sendiri terdapat 23 buah Sekolah bantuan Agama Kerajaan (SABK) yang

---

<sup>44</sup> *Ibid.*, 144

<sup>45</sup> Che Pee Saad, "The Curriculum Of The National Islamic Secondary School", 84

<sup>46</sup> Che Pee Saad, "The Curriculum Of The National Islamic Secondary School", 106

<sup>47</sup> *Ibid.*

<sup>48</sup> *Ibid.*, 105

<sup>49</sup> Nor Raudhah Siren et.al "Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) Di Malaysia.", 213 .

<sup>50</sup> Marzita Abdullah, "Isu SAR-Membendung keciciran Pelajar, "laman sesawang utusan Online, dicapai 16 Disember 2018  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0114&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0114&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm)

telah didaftarkan di bawah kementerian Pendidikan Malaysia<sup>51</sup> yang perlu dikawal kerana pendaftaran dan pemantauan aktiviti masih di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)<sup>52</sup>.


Kembali kepada topik perbincangan aspek pedagogi di sekolah menengah agama, berdasarkan fasa kajian lepas penyelidik telah membahagikan kepada dua focus. Fasa pertama merangkumi kajian lepas yang memfokuskan pembolehubah luar pedagogi seperti pentaksiran dan pengetahuan guru SABK terhadap PBS, tahap kepuasan kerja guru dan komitmen organisasi di SABK, Sukatan Pendidikan Bahasa Arab (SPBA) dari perspektif guru di SABK, status SAR serta Model penyelesaian, faktor fizikal SABK, tahap iklim sekolah dan komitmen guru di SABK. Manakala fasa kedua pula ialah meliputi pembolehubah pedagogi guru-guru di SABK. Iaitu mengenal pasti persepsi pelajar terhadap bahasa Arab di SABK dan mengkaji kaedah pengajaran yang biasa digunakan oleh guru di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), kaedah atau model terbaik yang sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar (sebelum KBD).

---

<sup>51</sup> Dokumentasi Arkib BPI, "Sekolah Agama Menengah (SAM/SAMT)", *Laman sesawang Portal Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor*, dicapai pada 17 Disember 2018, <http://pendidikan.jais.gov.my/direktori-sam> lihat juga *laman sesawang Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia*, "Kurikulum Bersepadu Dini & Kurikulum Bersepadu Tahfiz" <http://www.moe.gov.my/v/bpi> dicapai pada 17 Disember 2018.

<sup>52</sup> Nor Raudhah Siren et.al "Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) Di Malaysia." (Prosiding International Seminar on Islamic Malay World, Bandung 2013), 212.

RAJAH 3: DUA FOKUS FASA KAJIAN LEPAS BERKAITAN ASPEK PEDAGOGI DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA



Ironisnya kajian berkaitan aspek pedagogi ini selepas pendaftaran SAR/SAN ke dalam KPM adalah yang paling dramatik apabila Mohd Isha dalam kajian beliau pada tahun 2011 melahirkan kerisauan berkaitan hasil dapatan soal selidik kajian beliau terhadap 195 responden guru di sekolah menengah agama terhadap pentaksiran Penilai Berasaskan Sekolah (PBS) yang kurang berjalan lancar<sup>53</sup>. Kemudian pada tahun 2014, menyusul pula selepas itu kajian Maimun berbentuk dalam soal selidik beliau terhadap 20 orang responden guru dan 150 orang pelajar di SABK mendapati persepsi pelajar-pelajar positif terhadap pengajaran guru namun guru pula tidak memberikan sikap yang positif terhadap penggunaan alat Bantu Mengajar<sup>54</sup>. Jika diperhalusi dari perspektif sejarah kita boleh menjangkakan situasi ini akan berlaku di SABK kerana kondisi kewangan SAR/SAN di bawah Jabatan Agama Islam negeri dan pendaftaran SAR/SAN ke dalam SABK yang masih berada diperingkat permulaan. Di tambah lagi dengan keadaan pengurusan SAR/SAN yang tidak selaras dan tidak seragam di setiap negeri-negeri. Maka dengan segala kekangan ini sebarang bentuk organisasi lebih-lebih lagi organisasi sebuah institusi pendidikan yang baru dianak angkatkan oleh kerajaan belum tentu dapat melaksanakan sebarang kursus atau latihan kompetensi amalan pengajaran guru dengan cekap.

### **Metodologi Dan Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini menggunakan kaedah penumpulan data daripada sumber-sumber sekunder disamping sumber primer. Berdasarkan sumber sekunder penyelidik membuat kajian perpustakaan menerusi analisis kandungan. Penyelidik memulakan pengumpulan data melalui kajian-kajian di perpustakaan dengan merujuk buku-buku yang berkait dengan sejarah Pendidikan Islam sama ada dalam bahasa Arab, Melayu dan Bahasa Inggeris. Bagi buku-buku yang diterbitkan dalam terjemahan bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, penyelidik memilih buku-buku terjemahan yang telah disahkan oleh Dewan Bahasa Pustaka bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih berkualiti untuk intipati kajian ini. Manakala sumber primer terutama bagi memperolehi maklumat berkaitan perkembangan kurikulum di Malaysia dan Selangor khususnya penyelidik mengumpul minit-minit mesyuarat, laporan-laporan rasmi kerajaan Malaysia dari Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam negeri Selangor (JAIS).

Kemudian penyelidik mengadakan temubual dengan dua pegawai di Bahagian Pendidikan Islam yang mengendalikan Unit Akademik dan Unit Perkembangan Kurikulum bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia di Cyberjaya dan Putrajaya, Selangor bagi mendapatkan maklumat berkaitan sejarah perkembangan kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia. Maklumat yang telah diperolehi daripada Bahagian Pendidikan Islam dan Unit Perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam, KPM adalah maklumat yang sahih dan merangkumi aspek sejarah yangmana dokumen-dokumen rasmi berkaitan minit mesyuarat semenjak idea pendaftaran SAR/SAN dari tahun 2012 dibincangkan dan sehinggalah kepada pendaftaran SAR/SAN ke dalam SABK dilaksanakan secara besar-besaran pada tahun 2017 semasa pemerintahan Perdana Menteri Abdullah Badawi.

---

<sup>53</sup> Mohd Isha Awang "Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah : Pengetahuan Dan Amalan Guru Di Sekolah Menengah Agama Milik Kerajaan Negeri." (Prosiding Seminar Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA 2011 (2011).

<sup>54</sup> Maimun Aqsha Lubis et.al "Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kurikulum Bu'Uth Al-Azhar Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ( SABK )." *Jurnal Pendidikan Malaysia* (2014).

Temubual dengan pegawai Bahagian Pendidikan Islam di Jabatan Agama Islam negeri Selangor juga dilaksanakan. Penyelidik merujuk dengan dua pegawai Pendidikan yang mengendalikan bahagian sejarah Pendidikan Islam Selangor dan juga pegawai Kurikulum JAIS khusus bagi mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam negeri Selangor. Kemudian penyelidik menganalisis data transkrip temubual yang diperolehi menerusi perisian atlas.ti version 8 untuk mengkategorikan tema-tema penting bagi mendapatkan data yang lebih terperinci. Kedua-dua sumber sekunder dan primer ini akan dirujuk sebagai sumber maklumat bagi penulisan artikel ini. Walaupun wujud pelbagai kekangan pada peringkat permulaan kajian namun kajian ini telah membuka ruang yang cukup luas untuk penemuan-penemuan baru dalam sejarah perkembangan Pendidikan Islam di negeri Selangor. Sudah tiba masanya segala data dan laporan dokumen daripada individu dan organisasi yang berautoriti menjadi sejarah yang perlu didokumenkan dengan lebih sistematik.

## **Kesimpulan**

Jika ditinjau dari sudut sejarah, berdasarkan data-data yang telah diperolehi maka penyelidik dapat merumuskan bahawa sejarah kurikulum tradisional di Malaysia mempunyai catatannya yang tersendiri yang mana kandungan sukatan kurikulumnya hanya diadaptasi dan diubahsuai dari kurikulum kolonial namun penemuan yang paling penting disini ialah pengaruh dikotomi Islam dalam urusan pentadbiran dan penterjemahan sukatan Azhari khususnya di sekolah menengah agama telah membawa kepada tercetusnya idea kerajaan untuk mengambilalih SAR/SAN di seluruh negara secara berperingkat. Usaha kerajaan Malaysia ini menampakkan hasil apabila wujudnya Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang menggantikan kurikulum Azhari di Sekolah Bantuan Kerajaan (SABK) pada tahun 2016.

Setelah melatari perbincangan perkembangan kurikulum tradisional di Malaysia maka dalam perkembangan kurikulum pendidikan tradisional di Selangor penyelidik dapat merumuskan aspek penting yang telah ditemui dalam kajian lepas iaitu aspek falsafah pendidikan dan pedagogi. Dapatan yang paling penting diperolehi dari sini ialah Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang telah diserapkan dalam kurikulum kebangsaan dicadangkan dianalisis dari aspek falsafah pendidikan Islam untuk memastikan elemen-elemen dalam teori pendidikan Islam dan teori pembinaan kurikulum dimasukkan dalam kurikulum tersebut. Sementara itu dapatan dari aspek pedagogi dalam perkembangan kurikulum di sekolah menengah kerajaan era 1980-an pula menggambarkan warga sekolah pada ketika itu inginkan identiti Islam dipraktikkan di sekolah namun sebaliknya pula yang berlaku dalam perkembangan kurikulum tradisional Pendidikan Islam di sekolah menengah agama yang dapat dikategorikan kepada dua fasa. Fasa pertama kajian lepas yang memfokuskan pembolehubah luar pedagogi dan fasa kedua pula memfokuskan pembolehubah pedagogi guru-guru di SABK iaitu menyelidiki kaedah pengajaran yang biasa digunakan oleh guru di Jabatan Agama Islam Selangor dalam Kurikulum Azhari (sebelum KBD). Hasil dapatan dalam aspek pedagogi ini menampakkan kekangan kewangan sebuah institusi pendidikan yang baru dianak angkatkan oleh kerajaan memerlukan penekanan terhadap latihan kompetensi amalan pengajaran guru dalam kelas.

Kesimpulannya kajian penyelidikan ini telah merumuskan satu penemuan yang penting dalam kajian sejarah perkembangan kurikulum pendidikan Islam tradisional di Malaysia

khususnya di negeri Selangor kerana dari perspektif sejarah SABK di bawah Jabatan Agama Islam negeri (JAIS) kurikulumnya masih diperingkat awal penyerapan ke dalam sukatan kurikulum pendidikan kebangsaan serta memerlukan kecekapan dalam pengurusan organisasi sama ada dari aspek penggubalan kurikulum dan juga pedagogi.

## **Rujukan**

Abdullah Ishak, Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 189 Lihat juga Abdul Aziz Mahmud dan Ishak Saat, *50 Tahun Pendidikan Islam Di Malaysia*, (PutraJaya: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009).

Abdul Aziz Mahmud dan Ishak Saat, *50 Tahun Pendidikan Islam Di Malaysia*, (PutraJaya: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009).

Abdul Razak Mahmud, Ikhtisar Sejarah Kelantan (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2017).

Ahmad Fauzi Mohammad Shahar, “Allahyarham Tuan Haji Muhammad Shahar Sulaiman: Ulama dan Tokoh Maal Hijrah 1413 Hijrah” (prosiding Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 28 April 2015)

Alias Azhar, “PendemoKRasian Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan.” *Jurnal Kajian Pendidikan (ATIKAN)* 3 no.1 (2013)

*Almanahij al-dirasat lilmawad al-Azhariah* (Bahagian Pendidikan Islam Selangor).

Ari Kurniawan et.al, “Jati Diri Kebangsaan Dalam Falsafah Pendidikan Islam,”

Azmi Omar, “In Quest of an Islamic Ideal of Education: A Study of the Role of the Traditional Pondok Institution in Malaysia” (Tesis kedoktoran, Temple University, 1993).

Dokumentasi Arkib BPI (yawowsinzai), “Sejarah Pendidikan Islam; Sejarah Sekolah-sekolah Agama di Selangor”, *Laman sesawang Portal Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor*, dicapai pada 13 November 2018, <http://pendidikan.jais.gov.my/arkib-sejarah-pendidikan-islam>

Dokumentasi Arkib BPI, “Sekolah Agama Menengah (SAM/SAMT)”, *Laman sesawang Portal Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor*, dicapai pada 17 Disember 2018, <http://pendidikan.jais.gov.my/direktori-sam> lihat juga laman sesawang *Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia*, “Kurikulum Bersepadu Dini & Kurikulum Bersepadu Tahfiz” <http://www.moe.gov.my/v/bpi> dicapai pada 17 Disember 2018.

Haris Md. Jadi, “Reformasi kurikulum di Malaysia: Satu pandangan ke atas proses perancangan, pembinaan dan perlaksanaannya”, *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan* 11, (1991). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah, Dokumen Standard Sekolah Menengah, Pendidikan Islam*

*Journal al-Muqaddimah*, vol. 6(2), Julai – Disember 2018. 41-56.

*Tingkatan 2*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum, April 2016.

Ideris Abdul Rahim (Ketua Unit Unit Akademik, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, Cyberjaya,) dalam temubual dengan penulis, 22 September 2018.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (7hb. November 1979), (Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980).

Maimun Aqsha Lubis et.al “Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kurikulum Bu’Uth Al-Azhar Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ( SABK ).” *Jurnal Pendidikan Malaysia* (2014).

Marzita Abdullah, “Isu SAR-Membendung keciciran Pelajar, “laman sesawang utusan Online, dicapai 16 Disember 2018  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0114&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0114&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm)

Md.Zaki Abd Manan, “A Critical Analysis Of Islamic Studies In Malay On Contemporary Issues; Malaysia: Approxiamately 1975 To The Present Day” (tesis kedoktoran University Of London, 1994).

Mohd Isha Awang “Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah : Pengetahuan Dan Amalan Guru Di Sekolah Menengah Agama Milik Kerajaan Negeri.” (Prosiding Seminar Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA 2011 (2011).

Mok Soon Sang, Pendidikan Di Malaysia, (Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd, 1996).

Nor Raudhah Siren et.al “Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) Di Malaysia.” (Prosiding International Seminar On Islamic Malay World, Bandung 2013).

Rosnani Hashim, “Educational Dualism in Malaysia: Implications for Theory and Practice”, (Tesis Kedoktoran, University of Florida, Amerika Syarikat, 1994).

Sufean Hussin, Pendidikan Di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).

Umar Azizi et.al, “Cabaran Penyelarasan Kuasa Antara Kerajaan Negeri Dan Persekutuan Dalam Mengurus Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), *Journal of Islamic and Arabic Education Universiti Kebangsaan Malaysia* (2012).

*Report Of The Education Review Committee 1960* (Government Press Federation Of Malaysia 1960, Chapter XIV, 42. Lihat juga Sufean Hussin, Pendidikan Di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).